

01 APR 1996
Parlimen-Anwar
DEFISIT AKAUN SEMASA DIJANGKA BERKURANGAN

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata defisit Akaun Semasa Imbangan Pembayaran 1996 mengikut jangkakan konservatif akan berkurangan kepada RM17,000 juta.

Jumlah itu berkurangan sebanyak RM800 juta berbanding 1995 sebanyak RM17,800 juta.

Akaun dagangan bagi 1996 pula dijangka mencatat lebih sebanyak RM3,600 juta, katanya pada persidangan Dewan Rakyat ketika menjawab soalan Robert Lau Hoi Chew (BN-Sibu).

Angka-angka terakhir yang dikeluarkan amat meyakinkan termasuk pada penghujung 1995 iaitu imbangan perdagangan mencatatkan defisit yang kecil sebanyak RM40 juta pada November dan menjadi lebih pada Disember sebanyak RM643 juta, kata beliau.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata Imbangan Perdagangan mencatat defisit RM9,200 juta pada 1995 berbanding RM2,000 juta pada 1994.

Beliau berkata kelemahan imbangan pembayaran negara sebahagian besarnya kerana kurang keupayaan dan daya saing sektor perkhidmatan termasuk pengangkutan, insurans, pendidikan dan kontraktor profesional.

Sekiranya eksport dan import barangan dinilai pada akaun dagangan, ia mencatatkan lebih RM600 juta pada 1995 namun lebih ini lebih rendah berbanding RM4,600 juta pada 1994, katanya.

Lebih yang kecil pada 1995 ini disebabkan peningkatan dalam import barangan modal dan barangan perantaraan walaupun peningkatan eksport terutamanya eksport barangan perkilangan terus kukuh.

Import barangan modal dan barangan perantaraan dianggarkan sekitar 86 peratus daripada seluruh import dan yang selebihnya adalah barangan pengguna, katanya.

Anwar berkata pada tahun-tahun lepas kecuali 1991 dan 1995, pelaburan asing langsung jangka panjang bersih adalah lebih daripada cukup untuk membiayai defisit akaun semasa. Pada 1995 jurang perbezaannya berbeza sedikit kerana peningkatan pelaburan tempatan yang begitu pesat melebihi tabungan negara.

Anwar berkata langkah-langkah yang diperkenalkan yang diselaraskan oleh jawatkuasa kabinet mengenai sektor khidmat dagang yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menutup defisit imbangan pembayaran telah memberikan kesan positif.

Sebagai contoh, katanya, nilai import barangan perantaran berbanding nilai barangan eksport sektor perkilangan telah berkurangan daripada 76.7 peratus pada 1990 kepada 60 peratus pada 1995, katanya.

Langkah-langkah lain yang dilaksanakan bagi mengatasi defisit itu termasuk pembesaran kemudahan Pelabuhan Klang, menubuhkan syarikat 're-insurans' (insurans semula) yang besar di Labuan, meningkatkan usaha tarikan pelancongan dan menjadikan Malaysia pusat tarikan dalam bidang pendidikan. -- BERNAMA

NJ NMO